



TALKING POINTS

**YB DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**MAJLIS PENYAMPAIAN GERAN BANTUAN KEWANGAN
RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM**

**6 Julai 2022
3.00 petang
Dewan Damar Sari 1 dan 2**

**SELAMAT PETANG,SALAM SEJAHTERA DAN SALAM
PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA**

TERIMA KASIH SAUDARA / SAUDARI PENGACARA MAJLIS,

**YANG BERHORMAT SENATOR TUAN WAN AHMAD FAYHSAL
BIN WAN AHMAD KAMAL**

TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA

YBRS. DR. KANG TONG HUM

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

YBHG DATO' HAJAH NORISON BINTI RAMLI

KETUA PENGARAH

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

YBRS. DR. ANG LI LING

SETIAUSAHA BAHAGIAN

BAHAGIAN PERHUBUNGAN MASYARAKAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

PENGARAH-PENGARAH PERPADUAN NEGERI

PENERIMA-PENERIMA GERAN SERTA

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN

1. Saya mengucapkan terima kasih di atas kesudian YBhg. Dato', tuan-tuan dan puan-puan untuk hadir ke Majlis Penyampaian Geran Bantuan Kewangan Rumah Ibadat Selain Islam anjuran Kementerian Perpaduan Negera pada petang ini.
2. Majlis ini merupakan yang julung kalinya diadakan bertujuan untuk meringankan beban kewangan pihak pengurusan rumah ibadat selain Islam dalam menanggung kos-kos pembaikan, penyelenggaraan dan kerja-kerja kecemasan di rumah-rumah ibadat yang berdaftar di seluruh negara.
3. Untuk makluman hadirin sekalian, selain daripada program-program nasional untuk manfaat semua, Kerajaan melalui inisiatif pembangunan semua kaum dalam Bajet 2022 telah memperuntukkan **RM50 juta** bagi kerja-kerja pembaikan, penyelenggaraan dan pembangunan kecil rumah ibadat di

kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Sebanyak **RM30 juta** telah diterima oleh Kementerian Perpaduan Negara untuk diagihkan.

4. Semua rumah ibadat yang memerlukan bantuan kewangan perlu mengisi **borang permohonan** dan mengemukakan dokumen sokongan berikut:
 - (i) Pendaftaran dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (**ROS**) atau lain-lain entiti seperti **SSM**;
 - (ii) Salinan **akaun bank** atas nama pihak pengurusan rumah ibadat;
 - (iii) **Geran tanah** yang mempunyai status nyata tanah untuk pembinaan tokong, kuil, gereja atau lain-lain rumah ibadat; atau
 - (iv) **Dokumen status pemilikan tanah** yang lain seperti:
 - i. Surat kebenaran daripada tuan tanah seperti pemilik ladang atau pemilik tanah yang lain;
 - ii. Salinan Geran Tanah/Pemegang Amanah yang berkenaan;

- iii. Surat daripada Pejabat Tanah yang mengesahkan status tanah sedang diproses seperti berikut:
 - a. Proses permohonan geran tanah;
 - b. Proses penukaran hak milik;
 - c. Proses penukaran syarat-syarat nyata tanah.
- 5. Permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan sahaja akan diproses dan dipertimbangkan oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Kementerian. Jawatankuasa-jawatankuasa ini akan membuat saringan dan penilaian ke atas semua permohonan untuk memastikan semua rumah ibadat yang layak diberikan bantuan yang sepatutnya.
- 6. Penolong jurutera atau pegawai perpaduan negara juga akan turun membuat lawatan tapak untuk menilai jenis-jenis kerosakan dan nilai yang wajar disyorkan kepada jawatankuasa untuk pertimbangan.
- 7. Permohonan program bantuan kewangan ini adalah untuk skop yang melibatkan:

- i. Kerja-kerja sivil;
 - ii. Kerja-kerja penyelenggaraan seperti penggantian peralatan dan perabot sedia ada yang telah rosak serta kerja-kerja elektrikak dan mekanikal; dan
 - iii. Kerja-kerja kecemasan yang melibatkan kerja-kerja pembaikan yang perlu dilaksanakan segera akibat daripada bencana alam atau lain-lain sebab yang memerlukan kerja-kerja kecemasan dilaksanakan.
8. Melalui Program Bantuan Kewangan Bagi Kerja-kerja Pembaikan, Penyelenggaraan dan Kerja-kerja Kecemasan di Rumah Ibadat Selain Islam yang diselaras oleh Kementerian Perpaduan Negara ini, semua pengurusan rumah ibadat selain Islam yang berdaftar di seluruh negara boleh mengemukakan permohonan bagi geran bantuan kewangan untuk rumah ibadat masing-masing.
9. Saya maklum bahawa banyak rumah ibadat telah uzur dan ada juga yang tidak selamat lagi sebab struktur telah rosak atau dimasuki air semasa hujan. Geran bantuan kewangan ini diperuntukkan kepada rumah ibadat kerana Kerajaan sedar

bahawa pengurusan rumah ibadat memerlukan geran bantuan kewangan ini.

10. Saya berharap lebih banyak rumah ibadat akan mendapat manfaat daripada peruntukan yang kerajaan sediakan untuk membantu rakyat daripada semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang, umur, jantina dan agama. Majlis ini akan diadakan dari masa ke semasa untuk menyampaikan geran kepada rumah ibadat yang telah berjaya mendapat kelulusan geran bantuan kewangan rumah ibadat selain Islam.
11. Kerajaan sentiasa komited membantu rakyat yang berada dalam kesusahan dan memerlukan bantuan untuk mewujudkan persekitaran yang harmoni untuk menjalankan aktiviti harian termasuk aktiviti keagamaan kerana semua ini akan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan penganut agama yang berkaitan dan kalau semua penganut agama bersatu padu dan harmoni, maka negara yang kita cintai ini akan aman dan sejahtera.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Untuk majlis hari ini, keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan bagi membiayai kerja-kerja pemberian dan penyelenggaraan di rumah ibadat bagi tahun 2022 adalah sebanyak Ringgit Malaysia **Lima Juta Tiga Ratus Sembilan Puluh Lima Ribu** (RM5,395,000.00).
13. Sebanyak 92 wakil rumah ibadat daripada 10 buah negeri akan menerima geran pemberian rumah ibadat pada majlis hari ini dan saya berharap peruntukan akan digunakan dengan sebaiknya oleh semua pengurusan rumah ibadat untuk menyediakan premis yang lebih selesa untuk penganut agama yang berkenaan.
14. Diharap program bantuan ini bukan sahaja meringankan beban kewangan pihak pengurusan rumah ibadat di Malaysia malah ia dapat mengukuhkan lagi perpaduan yang sedia terjalin dalam kalangan Keluarga Malaysia yang pelbagai kaum dan agama.

PENUTUP

15. Saya juga merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat bagi menjayakan Majlis Penyerahan Geran Bantuan Kewangan Rumah Ibadat Selain Islam pada hari ini.

16. Pemberian bantuan adalah satu komitmen kerajaan dalam usaha mengukuhkan agenda perpaduan dan integrasi nasional seiring dengan teras Keluarga Malaysia iaitu Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran serta 20 pengkayaan nilai yang terkandung dalam konsep Keluarga Malaysia.
17. Justeru itu, pencapaian matlamat Keluarga Malaysia yang bersatu padu, aman dan damai akan memberikan kesan kepada kestabilan politik, ekonomi dan sosial seterusnya kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara.
18. Saya akhiri ucapan dengan serangkap pantun

Sungguh lama gelap terasa

Aakhirnya sudah terpasang lilin

Berbeza agama budaya bahasa

Bukan halangan muafakat dijalin

Sekian.